

27 MAY 1998

Abdullah-China

M'SIA HARAP CHINA TINGKATKAN IMPORT BARANGAN BUATAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Malaysia berharap China bersedia membeli lebih banyak barangan buatan negara ini di samping mengadakan pelaburan jangka panjang di Malaysia, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Katanya ahli perniagaan dari China juga perlu mengadakan usahasama dengan golongan Bumiputera dan kaum-kaum lain di Malaysia selain rakyat Malaysia yang berketurunan Cina.

Bercakap kepada pemberita di sini selepas mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Persekutuan Industri dan Perniagaan Seluruh China, Jing Shuping, Abdullah berkata sememangnya Malaysia menggalakkan pelaburan daripada negara sahabat.

"Jing Shuping menyatakan bahawa maklumat yang diterima akan disampaikan kepada anggota persekutuan itu yang berjumlah lebih dua juta bagi menarik minat mereka untuk melabur di Malaysia," katanya.

Abdullah, yang pulang ke tanahair awal pagi tadi selepas mengadakan lawatan rasmi ke Cuba, juga memberitahu pemberita mengenai hasil pertemuannya dengan Presiden Fidel Castro selama lebih tiga jam.

Beliau mengambil peluang itu untuk menerangkan mengenai situasi ekonomi di rantau ini khususnya di Malaysia dan peranan negara dalam usaha memulihkan kegawatan ekonomi sekarang.

Abdullah berkata Castro menunjukkan minat untuk mengetahui perkembangan serantau dan berharap apa yang diusahakan ke arah menyelesaikan krisis ekonomi yang dihadapi berjaya.

"Beliau juga yakin usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memulihkan ekonomi Malaysia akan mencapai matlamatnya dan menekankan pentingnya rakyat memahami langkah-langkah yang diambil kerajaan," katanya.

Selain itu, Abdullah berkata Malaysia bersedia menerima lawatan pakar-pakar Cuba dalam bidang bioteknologi, akukultur dan farmaseutikal.

"Mereka boleh memberikan pandangan mengenai projek-projek yang dilaksanakan dalam bidang berkaitan dan membantu memasarkan apa-apa produk yang dihasilkan," katanya.

Beliau juga menyampaikan undangan rasmi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar kepada Castro untuk melawat Malaysia.

-- BERNAMA

MAM AKD